

Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR
Tempat : PELANGI HOTEL, MUAR
Tarikh : 18 SEPTEMBER 2004
**Tajuk : UCAPAN DI MAJLIS PERASMIAN SEMINAR MENCEGAH DAN
MENANGANI GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA**

PARA HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN

ASSALAMULAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA BIRO HAL EHWAL WANITA MAYC KERANA SUDI MENJEMPUT SAYA UNTUK MERASMIKAN SEMINAR MENCEGAH DAN MENANGANI GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA.

SAYA JUGA MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA BIRO WANITA MAYC KERANA MENGAMBIL INISIATIF UNTUK MENGANJURKAN SEMINAR INI KERANA IA MERUPAKAN SATU LANGKAH YANG BAIK DALAM USAHA MEMBANTU PEKERJA WANITA MENYEDARI AKAN HAK-HAK MEREKA SEBAGAI PEKERJA.

SAYA HARAP SEMINAR INI AKAN MAMPU MENINGKATKAN TAHAP KESEDARAN DI KALANGAN PEKERJA WANITA MENGENAI GEJALA GANGGUAN SEKSUAL TERHADAP MEREKA SELAIN MENJADI CETUSAN YANG AKAN MENGERAKKAN GOLONGAN TERLIBAT UNTUK MENYUMBANG KEPADA USAHA MENGATASINYA DAN SEKALI GUS MEMBASMI GEJALA TERSEBUT

HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN

PADA 17 OGOS 1999, KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA TELAH MELANCARKAN "KOD AMALAN UNTUK MENCEGAH DAN MEMBASMI GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA". KOD AMALAN TERSEBUT TELAH MEMBAHAGIKAN GANGGUAN SEKSUAL KEPADA DUA.

PERTAMA, GANGGUAN BERBENTUK SEKSUAL KE ATAS PEKERJAAN ATAU "SEXUAL COERCION". CONTOHNYA APABILA X (SEORANG MAJIKAN) BERKATA PADA Y (PEKERJANYA): "KALAU AWAK NAK CEPAT NAIK PANGKAT, LAYAN SAJA SEMUA KEMAHUAN SAYA." PERKARA YANG DIKEHENDAKI OLEH X ADALAH LAYANAN BERUNSUR SEKSUAL.

GANGGUAN SEKSUAL YANG KEDUA PULA ADALAH TINGKAH LAKU YANG MENIMBULKAN SUASANA TEMPAT KERJA YANG TIDAK TENTERAM KEPADA MANGSA ATAU "SEXUAL ANNOYANCE". INI BOLEH BERLAKU SECARA:

- LISAN TERMASUKLAH KATA-KATA, KOMEN, GURAUAN, USIKAN DAN BUNYI YANG BERSIFAT SEKSUAL;
- ISYARAT TERMASUKLAH ISYARAT TANGAN ATAU BAHASA ISYARAT YANG MEMBAYANGKAN PERLAKUAN SEKS SERTA TINGKAH LAKU MENGURAT YANG BERTERUSAN;
- VISUAL TERMASUK MENUNJUKKAN BAHAN-BAHAN LUCAH, MELUKIS GAMBAR LUCAH, MENULIS SURAT BERBENTUK SEKSUAL SERTA MENDEDAHKAN TUBUH TERMASUK BERPAKAIAN SEKSI;
- PSIKOLOGI TERMASUK MENGULANGI JEMPUTAN SOSIAL YANG TELAH DITOLAK, MEMUJUK RAYU SECARA BERTERUSAN UNTUK KELUAR BERSAMA ATAU BERGUMBU; DAN
- SENTUHAN FIZIKAL TERMASUKLAH SENTUHAN YANG TIDAK DIINGINI SEPERTI MENEPUK, MENCUBIT, MENGUSAP, MENGESESEL BADAN, MEMELUK, MENCIUM DAN SERANGAN SEKSUAL SEPERTI MERABA.

APA YANG MENARIK DI SINI IALAH KOD AMALAN INI TIDAK BERASASKAN JANTINA. INI BERMAKNA KOD INI TERPAKAI DALAM HUBUNGAN LELAKI-WANITA, WANITA-LELAKI, WANITA-WANITA DAN LELAKI-LELAKI. JADI, SEKIRANYA SELAMA INI KITA RIMAS DENGAN GANGGUAN-GANGGUAN YANG TIDAK DIINGINI DARI RAKAN SEKERJA YANG SAMA JANTINA ATAU TIDAK SAMA JANTINA, KITA ADA SALURAN ATAU KOD UNTUK MENGHENTIKANNYA.

GANGGUAN SEKSUAL BOLEH DICEGAH, DITANGANI DAN DIBASMI DENGAN BERKESAN DENGAN UJUDNYA KERJASAMA DAN TINDAKAN BERSAMA MAJIKAN DAN KESATUAN SEKERJA.

MAJIKAN YANG PRIHATIN DAN BERTANGGUNGJAWAB AKAN MEMASTIKAN BAHAWA SESEBUAH TEMPAT KERJA ITU BEBAS DARI SEBARANG BENTUK GANGGUAN SEKSUAL KERANA IANYA MENINGGALKAN KESAN YANG MENDALAM KEPADA SEMANGAT, PRESTASI KERJA DAN PRODUKTIVITI SESEORANG PEKERJA. GANGGUAN SEKSUAL BOLEH MENCETUS KEPADA MENINGKATNYA KADAR CUTI SAKIT DAN KETIDAKHADIRAN BERTUGAS DAN JUGA BOLEH MENGAKIBATKAN KADAR PUSINGAN TENAGA KERJA YANG TINGGI. INI PADA KESELURUHANNYA MERUGIKAN ORGANISASI TERSEBUT.

KESATUAN SEKERJA PULA BERTANGGUNGJAWAB MEMAINKAN PERANANNYA DALAM USAHA MEWUJUDKAN SUASANA KERJA YANG BEBAS DARI GANGGUAN SEKSUAL. INI BOLEH DILAKSANAKAN MELALUI PENINGKATAN KESEDARAN DAN KEPEKAAN AHLI-AHLI TERHADAP ISU INI DAN DALAM MEMASTIKAN BAHAWA TINGKAH LAKU AHLI-AHLINYA TIDAK MENIMBULKAN MASALAH GANGGUAN SEKSUAL.

ADALAH AMAT PENTING BAGI MAJIKAN MEMILIH PENDEKATAN SECARA RUNDINGAN DENGAN MELIBATKAN KESATUAN SEKERJA APABILA MEMBENTUK DAN MENUBUHKAN MEKANISME DALAMAN BAGI MENCEGAH DAN MEMBASMI GANGGUAN SEKSUAL KERANA PENYERTAAN KESATUAN SEKERJA INI BOLEH MEMBAWA KEPADA KOMITMEN YANG LEBIH PADU DARI GOLONGAN PEKERJA UNTUK MENERIMA PAKAI DAN MEMATUHI MEKANISME DALAMAN YANG DIGUBAL.

MAJIKAN DAN KESATUAN SEKERJA PERLU BERGANDING TANGAN DALAM MELAKSANAKAN PROGRAM-PROGRAM PROMOSI DAN PENDIDIKAN BAGI MEWUJUDKAN BUDAYA KERJA YANG MANA AKAN MENJAMIN SUASANA KERJA YANG SELAMAT DAN SIHAT DI MANA SETIAP PEKERJA TANPA MENGIRA JAWATAN ATAU STATUS DIHORMATI MARUAHNYA DAN BEBAS DARI SEBARANG BENTUK GANGGUAN, PENGHINAAN DAN ANCAMAN YANG BERBENTUK SEKSUAL.

INI AKAN MENGHANTAR MESEJ YANG POSITIF KEPADA PEKERJA TENTANG KOMITMEN MAJIKAN DAN KESATUAN SEKERJA UNTUK MEWUJUDKAN SUASANA YANG SELAMAT DI TEMPAT KERJA. WALAU BAGAIMANAPUN, SEKIRANYA MAJIKAN DAN KESATUAN SEKERJA TIDAK MENUNJUKKAN KOMITMEN, PARA PEKERJA MASIH BOLEH MENDAPAT PEMBELAAN DENGAN MEMBUAT ADUAN MENGENAI GANGGUAN SEKSUAL YANG DIALAMI KEPADA JABATAN BURUH YANG TERDEKAT.

WANITA YANG TELAH MENJADI MANGSA GANGGUAN SEKSUAL TETAPI TIDAK MAHU MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG, MEMBERI AMARAN KEPADA PELAKU MUNGKIN BOLEH MEMBANTU MENGHENTIKAN PERBUATANNYA ITU.

TIDAK DAPAT DINAFIKAN BAHAWA GANGGUAN SEKSUAL INI BOLEH DISALAHTAFSIRKAN. JADI UNTUK MENENTUKAN SAMA ADA SESUATU PERBUATAN ITU MERUPAKAN GANGGUAN SEKSUAL ATAUPUN TIDAK, KITA BOLEH PERHATIKAN DUA PERKARA. PERTAMA, APA NIAT ORANG YANG MENGGANGGU? KEDUA, SEJAUH MANA PERBUATANNYA ITU MEWUJUDKAN SATU SUASANA YANG TIDAK TENTERAM ATAU TERANCAM. CARA UNTUK MEMBEZAKAN ANTARA GANGGUAN SEKSUAL DAN BUKAN GANGGUAN SEKSUAL ADALAH JUGA PENTING AGAR TIADANYA SALAH TUDUHAN AKIBAT SALAH TAFSIRAN YANG BERLAKU.

SECARA TIDAK LANGSUNG GANGGUAN SEKSUAL AKAN MEMBERI TEKANAN PERASAAN KEPADA MANGSA SEHINGGA BOLEH MENJEJASKAN PRESTASI KERJA YANG SEKALI GUS MEMAKSA MEREKA BERHENTI KERJA. INI MERUPAKAN SATU KERUGIAN KEPADA PEKERJA ITU SENDIRI KERANA MEREKA AKAN HILANG PUNCA PENDAPATAN SEDANGKAN MEREKA TIDAK BERSALAH.

SEBAGAI SEORANG WANITA, SAYA RASA PUAN-PUAN PASTI GEMBIRA DENGAN UJUDNYA KOD AMALAN INI KERANA DENGAN ADANYA KOD INI, KAUM LELAKI TIDAK BOLEH DENGAN SEWENANG-WENANGNYA MELAKUKAN SESUATU TERHADAP KITA. SEHUBUNGAN ITU PEKERJA WANITA HARUS PEKA JIKA BERLAKU GANGGUAN YANG SEUMPAMA ITU DAN LANGKAH YANG BOLEH DIAMBIL SEBAGAIMANA DIPERUNTUKKAN DI DALAM KOD AMALAN TERSEBUT.

TIDAK DINAFIKAN BAHAWA MASALAH INI MEMANG BERLAKU DI NEGARA KITA CUMA TIDAK RAMAI YANG MELAPORKANNYA. INI MUNGKIN KERANA MALU, TAKUT TERSALAH TAFSIR SESUATU PERBUATAN, TIADA SALURAN ATAU KERANA PEMANGSA ADALAH ORANG YANG BERKEDUDUKAN. JADI, ADALAH DIHARAPKAN

DENGAN ADANYA KOD AMALAN INI, MUNGKIN BANYAK KEKANGAN-KEKANGAN TADI DAPAT DIATASI.

PARA HADIRIN SEKELIAN

OLEH YANG DEMIKIAN SAYA INGIN MENYARANKAN AGAR PUAN-PUAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG YANG ADA INI UNTUK MELINDUNGI DIRI MASING-MASING DARI GANGGUAN SEKSUAL. JANGAN KITA TAKUT UNTUK TAMPIL KE HADAPAN UNTUK BERCAKAP BENAR DAN BERSIFAT JUJUR.

PUAN-PUAN TIDAK PERLU BIMBANG KERANA MAKLUMAT YANG DISAMPAIKAN AKAN DIANGGAP DAN DIKLASIFIKASIKAN SEBAGAI SULIT UNTUK MENJAGA MARUAH MANGSA TERUTAMA SEMASA ADUAN DIBUAT DAN SEMASA SIASATAN DIJALANKAN.

SAYA JUGA INGIN MENINGATKAN PEKERJA WANITA SUPAYA TIDAK MENYALAHGUNAKAN KOD AMALAN TERSEBUT UNTUK MENJATUHKAN ORANG LAIN. SIFAT SEUMPAMA INI PERLU DIHINDARI.

SEBAGAI PERTUBUHAN NGO, SAYA BERHARAP MAYC MELALUI BIRO WANITA DAPAT MEMAINKAN PERANAN YANG AKTIF UNTUK SAMA-SAMA MEMBANTU MEMBASMI GEJALA TERSEBUT. MEREKA BOLEH MENJADI PENYAMPAI MAKLUMAT UNTUK MENERAPKAN KESEDARAN YANG TINGGI KEPADA PEKERJA WANITA TERUTAMA DI KALANGAN PEKERJA INDUSTRI YANG RATA-RATA KURANG DIBERI PENDEDAHAN DAN PENGETAHUAN KALAU DI BANDING DENGAN PEKERJA INDUSTRI YANG BESAR.

GOLONGAN WANITA HARI INI PERLU LEBIH BERANI UNTUK BERTINDAK KERANA KEBENARAN. JANGAN MEMBIARKAN PERKARA SEPERTI GANGGUAN SEKSUAL INI BERLARUTAN HINGGA IANYA DIANGGAP LUMRAH. TINDAKAN MELAPORKAN PERBUATAN INI TIDAK BERMAKNA UNTUK MENJATUHKAN PERIBADI SESEORANG ITU TETAPI SEBAGAI KESEDARAN AGAR IA TIDAK BERULANG. OLEH ITU SAYA INGIN MENYERU KEPADA PUAN-PUAN UNTUK TERUS BEKERJA SECARA JUJUR DAN AMANAH, KERANA IA MERUPAKAN SATU TANGGUNGJAWAB YANG TELAH DIAMANAHKAN UNTUK SAMA-SAMA MEMBANGUNKAN NEGARA.

AKHIR SEKALI SAYA MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA PENCERAMAH YANG TURUT TERLIBAT UNTUK MENJAYAKAN SEMINAR PADA HARI INI. SEMOGA PENERANGAN YANG BAKAL DISAMPAIKAN DAPAT MEMBERI MANFAAT YANG BERGUNA DAN SEKALI GUS MELAHIRKAN PEKERJA YANG BERKUALITI DAN BERHEMAH TINGGI.

SEBAGAI PENUTUP KATA, SAYA DENGAN LAFAZ BISMILLAH MERASMIKAN SEMINAR MENCEGAH DAN MENANGANI GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA.

SEKIAN

WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH